
[Bil.5 Nov 2018](#)

2,773 bakal bergraduasi dalam Konvokesyen

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal meraikan seramai 2,773 graduan bersempena dalam Majlis Bergraduasi yang akan berlangsung selama dua hari mulai 10 dan 11 November depan di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus

Majlis menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Azlan Muhibbin sebagai Canselor UMP mencemar duli mengurniakan ijazah dan anugerah kecemerlangan kepada graduan.

Daripada jumlah ini, seramai 63 orang merupakan graduan Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD), 172 orang graduan Sarjana Muda, 40 graduan Dwi Ijazah, 270 orang graduan Diploma, 221 graduan Sarjana Eksekutif, 50 graduan Diploma Eksekutif membabitkan sembilan fakulti dan dua pusat pengajian.

Manakala majlis menyaksikan jumlah graduan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (264), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (299), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (307), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Pembuatan (136), Fakulti Sains & Teknologi Industri (144), Fakulti Pengurusan Industri (183), Advanced Education (515) dan Institut Pengajian Siswazah (235).

Daripada jumlah tersebut juga seramai 40 graduan dwi ijazah menerima dua ijazah serentak setelah menamatkan

Mereka merupakan graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekatronik dan program Sarjana Muda dalam program kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman (HSKA). Manakala Ijazah Sarjana Muda dalam program kerjasama Reutlingen University yang buat pertama kalinya bergraduasi pada kali ini.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, universiti turut menganugerahkan Anugerah CEO (Elektronik) kepada mantan Pengarah Urusan Motorola Solutions Sdn. Bhd, Dr. Hari Narayanan P Onn sebagai pengiktirafan terhadap ketokohan, kewibawaan dan kepimpinan beliau.

"Universiti amat menghargai manfaat besar hasil perkongsian pengalaman profesional dan sumbangan ide dan teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan peranannya menjayakan [CEO@Faculty](#) Program kelolaan Kewangan dan Perkhidmatan," katanya.

Beliau turut tampil mendukung inisiatif wakaf dan endowmen pendidikan di UMP melalui platform MyGuru yang memudahkan pelajar untuk mendapat maklumat maklumat tentang pelajaran dan literasi pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk pelajar sekolah," katanya.

Dr. Hari juga pernah menerima Anugerah CEO Terbaik, Anugerah CEO Paling Menyerlah dan Anugerah CEO Paling Berbakat dalam menjayakan [CEO@Faculty](#) Program tersebut.

Dalam pada itu, seramai 28 graduan menerima anugerah kecemerlangan universiti dan hadiah individu. Anugerah diperkenalkan kali ini adalah Anugerah Kecemerlangan BASF Petronas, Anugerah Kecemerlangan Sains dan Anugerah Setegap Ventures.

Santai Seni semarakkan Ekspos Konvokesyen

Penganjuran Santai Seni Warisan pada 27 Oktober 2018 yang lalu menyemarakkan Ekspo Konvokasi (ExpoConvo) tahun ini menjelangnya Majlis Konvokesyen UMP Ke-13 yang akan diadakan pada 10 dan 11 November 2018 di Kampus Gambang.

Sambutan ExpoConvo ini turut membolehkan para pengunjung dalam kalangan keluarga graduan dan cawangan universiti untuk berinteraksi dengan lebih dekat, khususnya keunikan universiti ini dalam konteks program akademik dan pencapaian penyelidikan.

Berlangsung buat pertama kalinya di Pekan River Front di bandar Pekan, penganjuran dengan kerjasama Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP ini menggabungkan acara permainan tradisional, pertandingan mewakili kesenian yang menampilkan nyanyian dan tarian kebudayaan oleh mahasiswa UMP.

Majlis dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim. Hadir sama Pendaftar, Abd Hamid Majid, Timbalan Pengarah Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negeri Pahang, Non UMP, Ts Dr. Mohamad Mat Nor dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Haji Saad pada 2018, Nur Ain Syazliana Mohd Adnan dan Pengarah Program Expoconvo 2018, Siti Aishah Darmawansyah.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, pihaknya amat menghargai kerjasama pihak Majlis Daerah dalam menjayakan program ini terutamanya terhadap inisiatif-inisiatif yang berimpak tinggi kepada pembangunan.

"UMP ingin berkongsi kegembiraan atas pencapaian cemerlang universiti. Jika sebelum ini kampus UMP Pekan, kini warga Pekan boleh tambah berbangga kerana UMP baharu sahaja disenaraikan oleh QS Universiti Terbaik di Malaysia dan juga antara 188 universiti terbaik di Asia."

"Selain diberi penarafan 5 bintang, UMP turut diiktiraf sebagai universiti teknologi yang paling pesat membantu perkembangan teknologi."

"Kejayaan, pencapaian dan pengiktirafan antarabangsa ini mampu meningkatkan lagi prestij UMP sebagai universiti yang terkemuka di dunia dan menjadi kemegahan warga Bandar Diraja ini," katanya.

Beliau mengharapkan usaha ini dapat mengeratkan hubungan baik antara warga UMP dengan masyarakat setempat dan memperkukuhkan peranan UMP dalam Misi Strategik UMP 2016-2020 dengan tema 'Memasyarakatkan Universiti' serta mendekatkan mahasiswa dengan komuniti setempat.

Menurut salah seorang pengunjung, Azwi Dalily Sulaiman, 34, dari Ketapang Tengah, program sebegini boleh memberi pengalaman yang menyeronokkan dan secara tidak langsung dapat memeriahkan kawasan Pekan River Front.

"Selain itu juga program sebegini dapat membawa anak-anak meluangkan masa hujung minggu dengan keluarga dan teman-teman mereka," katanya.

Manakala Pengarah Program Expoconvo 2018, Siti Aishah Darmawansyah pula berkata Expoconvo yang akan berlangsung selama dua hari ini menampilkan pelbagai aktiviti menarik yang boleh disertai segenap lapisan masyarakat selama majlis konvokesyen nanti.

"Antaranya aktiviti larian Black Night Run, Blush With Brush, Cake Deco Competition, Konsert Expoconvo, Street Sciene @Galeri , Forum Gen-Y Health Talk dan STEM @UMP Competition."

Selain itu, terdapat juga gerai jualan, kaunter-kaunter perkhidmatan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Perbandaran Kuantan (MPK) untuk dikunjungi.

Program ini turut memberi peluang kepada orang ramai untuk menyertai aktiviti dan kemudahan yang mempunyai sebarang kemusykilan boleh hubungi urus setia di talian 09-549 2545.

-
- 110 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

